

**Himpunan baju merah tak perjuangkan Melayu, kata Dr Mahathir**  
**The Malaysian Insider**  
**Sept 15, 2015**  
**Oleh KC Nazari**

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menganggap Himpunan Maruah Melayu yang akan berlangsung esok sebenarnya tidak memperjuangkan orang Melayu.

Sebaliknya, himpunan itu katanya, hanya bertujuan mempamerkan perhimpunan Bersih 4 baru-baru ini sebagai bersifat perkauman – satu persepsi yang sebenarnya tidak tepat.

"Dia adakan himpunan ini kerana dia kata himpunan Bersih dahulu rasis. Tetapi, perhimpunan Bersih dulu bukan rasis, semua bangsa ada bersama.

"Jadi, nak jadikan Bersih ini rasis, supaya kononnya mereka nak berjuang untuk orang Melayu. Mereka tak berjuang untuk orang Melayu, tak payahlah ada," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian kepada media sewaktu diminta mengulas mengenai perhimpunan itu, juga dikenali sebagai perhimpunan baju merah, yang akan berlangsung di ibu negara esok.

Beliau ditemui pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada kursus anjuran Mahathir Global Peace School 2015 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, pagi ini.

Esok merupakan cuti umum sempena Hari Malaysia, bagi meraikan sambutan ulangtahun pembentukan negara pada 1963.

Kerajaan Barisan Nasional (BN) membenarkan satu perhimpunan anjuran Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) diadakan di Padang Merbok yang akan turut dihadiri penunjuk perasaan berbaju merah.

Perhimpunan Bersih 4 pada 29 dan 30 Ogos diisytiharkan haram oleh kerajaan atas alasan keselamatan, tetapi ia tetap diteruskan tanpa sebarang kejadian buruk.

Bagaimanapun, penganjurnya disoal siasat polis selepas perhimpunan 34 jam itu berakhir.

Dr Mahathir turut muncul dua kali pada perhimpunan Bersih 4 anjuran kumpulan pemantau pilihan raya Bersih 2.0 itu, dan mengatakan hanya melalui demonstrasi jalanan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak boleh diturunkan.

Sebelum ini, ketua Umno bahagian Datuk Jamal Md Yunus, penggerak salah sebuah badan bukan kerajaan yang menyokong Himpunan Maruah Melayu itu, mengalu-alukan penyertaan Dr Mahathir ke program mereka jika beliau menganggap

dirinya Melayu. – 15 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/himpunan-baju-merah-tak-perjuangkan-melayu-kata-dr-mahathir>